

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NENAS)
SOALAN 1 (A163)**

Sila nyatakan jenis-jenis cukai taksiran yang dilaksanakan serta kadar cukainya bagi setiap PBT. Adakah kerajaan merancang menurunkan kadar cukai taksiran untuk meringan beban kos sara hidup rakyat?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Cukai taksiran dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor ke atas pegangan bercukai di kawasan masing-masing berdasarkan Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 – Kuasa Untuk Mengenakan Kadar :

“Pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu, mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan, kadar atau kadar-kadar tahunan dalam sesuatu kawasan pihak tempatan bagi maksud Akta ini atau bagi maksud lain yang mana adalah kewajipan pihak berkuasa tempatan itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain”

Jenis-jenis cukai taksiran yang dikenakan adalah berdasarkan jenis pegangan yang terdapat di dalam kawasan PBT. Pembahagian mengikut jenis pegangan ini dijelaskan di dalam Seksyen 129, Akta Kerajaan Tempatan 1976 – Membahagikan kawasan dan pegangan bagi maksud kadar :

“Bagi maksud-maksud Bahagian ini, pihak berkuasa tempatan boleh, membahagikan kawasannya kepada dua bahagian atau lebih dan boleh, mengenai bahagian atau bahagian-bahagian yang berasingan itu, mengenakan apa-apa kadar atau kadar-kadar yang difikirkan patut dan wajar dan pihak berkuasa tempatan boleh selain daripada itu mengenakan dalam bahagian atau bahagian-bahagian itu suatu kadar yang berlainan mengikut kegunaan sebenar pegangan itu atau bahagian pegangan itu.”

Antara jenis-jenis pegangan yang dikenakan cukai adalah:

- i. Kediaman/Perumahan
- ii. Perniagaan
- iii. Perindustrian
- iv. Pertanian
- v. Harta Khas (Loji Air P.U.B, Menara Telekom)

PBT telah pun menurunkan kadar cukai bagi beberapa jenis pegangan bercukai di kawasan masing-masing melalui pelaksanaan Penilaian Semula yang telah diadakan pada Tahun 2013 dan 2014 serta dikuatkuasakan pada Tahun 2015.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB DATUK HAJAH SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 2 (A34)**

Minta dinyatakan bilangan wanita yang berada dalam pasaran pekerjaan mengikut sektor dan apakah yang akan dilakukan supaya wanita dapat merebut peluang pekerjaan berkemahiran tinggi seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan PH.

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah tenaga kerja wanita di negeri Johor bagi tahun 2017 adalah sebanyak 50.2%. Bilangan ini adalah kedua tertinggi selepas Selangor iaitu seramai 1,444,700 orang. (Lampiran 1). Penyertaan umur paling tinggi adalah daripada umur 25 sehingga 34 tahun dan kebanyakannya merupakan pemegang diploma dan ijazah. Statistik tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Statistik pekerja wanita bekerja di negeri Johor

GUNA TENAGA	TAHUN 2017
Tenaga Buruh ('000)	1,671.7
Penduduk bekerja ('000)	1,614.7
Penganggur ('000)	57.0
Kadar penyertaan tenaga buruh, KPTB (%)	
Jumlah	67.0
Lelaki	81.7
Perempuan	50.2
Kadar pengangguran (%)	3.4

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

Manakala bilangan pekerja wanita yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi tahun 2018 (sehingga bulan Julai) adalah sebanyak 105,392 orang. Statistik bilangan wanita ini mengikut pecahan perjawatan adalah seperti di **Jadual 2** di bawah:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

Jadual 2: Statistik pekerja wanita yang telah berdaftar dengan JTK sehingga bulan Julai 2018

JENIS PEKERJAAN	PEJABAT TENAGA KERJA CAWANGAN					
	JOHOR BAHRU	BATU PAHAT	KLUANG	MUAR	SEGAMAT	JUMLAH
PENTADBIRAN, PENGURUSAN	2535	568	724	588	438	4853
PROFESIONAL	1868	326	462	307	194	3157
JURUTEKNIK	2230	510	363	347	178	3628
KERJA PERKERANIAN	11620	2625	3332	2971	2102	22650
KERJA PERKHIDMATAN, KEDAI DAN JUALAN	6233	1472	2802	1742	1540	13789
KERJA PERTANIAN DAN PERIKANAN MAHIR	700	31	535	76	741	2083
KERJA PERTUKANGAN	1378	517	898	405	316	3514
OPERATOR DAN PEMASANG LOJI DAN MESIN	19250	6092	2654	4365	629	32990
PEKERJAAN AM	7376	1670	3868	2791	3023	18728
JUMLAH	53190	13811	15638	13592	9161	105392

(Sumber: Jabatan Tenaga Kerja)

Berdasarkan Jadual tersebut, perjawatan yang paling tinggi disertai oleh wanita adalah sebagai operator dan pemasang loji dan mesin iaitu sebanyak 32,990 orang. Perjawatan yang kedua dan ketiga tertinggi pula adalah kerja perkeranian dan pekerjaan am yang masing-masing berjumlah 22,650 orang dan 18,728 orang.

Mengenai isu apakah yang akan dilakukan supaya wanita dapat merebut peluang pekerjaan berkemahiran tinggi pula, secara amnya Kerajaan telah lama mengiktiraf sumbangan besar wanita di dalam pembangunan negara. Oleh kerana itulah, pelbagai langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja wanita ke dalam pasaran buruh Negara dan sekaligus memastikan mereka boleh mencapai kemuncak kerjayanya tanpa halangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilakukan Kerajaan bagi menggalakkan penyertaan pekerja wanita ke dalam pasaran buruh Negara adalah seperti berikut:

i. Bekerja separa masa

Kerajaan telah menggubal Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separo Masa) 2010 di bawah Akta Kerja 1955 yang memberi peluang kepada pekerja wanita untuk bekerja mengikut masa yang fleksibel.

ii. Staggered working hours (SWHA)

Amalan terbaik dalam industri iaitu SWHA. Contohnya syarikat Berjaya Corporation Bhd. telah melaksanakan SWHA mulai 1 Januari 2016 di mana 3 jenis waktu kerja telah diperkenalkan untuk dipilih oleh pekerja-pekerja wanita mengikut kesesuaian. Praktis ini telah memberi satu keseimbangan antara komitmen keluarga dan kerjaya.

iii. Kemudahan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK)

Pihak majikan adalah digalakkan untuk menyediakan PAKK sebagai kemudahan kepada golongan pekerja wanita.

iv. Kemudahan cuti bersalin

Akta Kerja 1955 yang merupakan satu undang-undang yang menjaga kebajikan pekerja di Negara ini telah memperuntukkan mengenai kewajipan majikan untuk memberi faedah cuti bersalin sekurang-kurangnya 60 hari kepada semua pekerja wanita di Semenanjung Malaysia tanpa mengira had gaji. Ini merupakan salah satu pindaan yang dibuat kepada Akta ini pada tahun 2012, yang mana sebelum itu kemudahan cuti bersalin hanya kepada wanita yang bergaji RM1,500 dan ke bawah sahaja. Melalui pindaan tersebut, ia membolehkan semua pekerja wanita tanpa had gaji layak untuk menikmati faedah ini sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta. Selain itu, ia juga adalah menjadi satu kesalahan sekiranya pekerja wanita yang sedang dalam tempoh cuti bersalin, diberhentikan kerja tanpa alasan yang munasabah.

v. Mewujudkan persekitaran tempat pekerjaan yang selamat

Kerajaan juga menitikberatkan keselamatan pekerja wanita di tempat kerja. Ini dapat dilihat melalui Akta Kerja 1955 yang melarang mana-mana pekerja wanita bekerja pada waktu malam melainkan dengan kebenaran daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Akta juga melarang pekerja wanita diarahkan bekerja di bawah tanah. Peruntukan-peruntukan ini dibuat bagi mewajibkan majikan menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat kepada golongan ini.

vi. Homeworking

Merupakan program yang dilaksanakan di bawah JTK bagi membolehkan pekerja-pekerja bekerja dari rumah. Sebagai contoh, menggosok baju, melipat kain bagi sesebuah kilang, menjahit dan sebagainya. Bayaran upah diterima berdasarkan kuantiti dan kualiti kerja yang telah disempurnakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

Kita juga telah memperkemas fokus dan hala tuju Unit Swadaya Insan Negeri Johor bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan masyarakat mengenai potensi kerja yang ada dan seterusnya memastikan peluang kerja dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan umur dan jantina dengan penstrukturan semula pembangunan kemahiran oleh penyedia-penyedia latihan di Johor.

Antaranya ialah dengan mengadakan **promosi** program-program latihan kemahiran di peringkat sekolah dengan potensi pekerjaan yang ada supaya para pelajar lebih jelas tentang bentuk peluang kerjaya yang ditawarkan berdasarkan kelayakan dan kemahiran yang diperolehi. Bentuk aktiviti yang dilaksanakan memfokuskan kepada **penyesuaian diri pelajar dengan bidang pekerjaan** berkemahiran tinggi termasuk dari segi minat, bakat dan kesesuaian jantina. Selain diberi pendedahan, persepsi bahawa pekerjaan kemahiran tinggi hanya sesuai untuk golongan lelaki akan dapat diubah dikalangan pelajar. Kerajaan Negeri berharap pelaksanaan ini akan menggalakkan penyertaan pelajar secara umum dan seterusnya memupuk minat kepada pelajar perempuan untuk menceburi diri di dalam bidang kemahiran tinggi yang kebiasaannya didominasi oleh lelaki.

Sebagai contoh, daripada beberapa siri program latihan kemahiran yang dikoordinasikan di bawah Unit Swadaya Insan Johor, 30% penyertaannya adalah wanita terutamanya di dalam bidang hospitaliti dan pelancongan. Peratusan ini dijangka akan meningkat dengan berkembangnya industri hospitaliti dan pelancongan yang sedang bertapak Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 3 (A71)**

Minta dinyatakan secara terperinci perancangan kerajaan untuk meluaskan lagi perkhidmatan pengangkutan awam diseluruh Negeri Johor dalam tempoh 5 tahun serta sasaran jumlahnya setiap kategori pengangkutan awam tersebut.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Bagi tempoh 5 tahun akan datang, kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan perkhidmatan bas percuma dengan meningkatkan kepenggunaannya. Kerajaan negeri melalui PAJ akan memperluas perkhidmatan tersebut kepada laluan-laluan yang dikenal pasti mendapat sambutan serta menambah baik perancangan bagi laluan-laluan yang kurang mendapat sambutan.

Dalam masa yang sama, kerajaan Negeri melalui PAJ akan meneruskan perancangan untuk melaksanakan transformasi perkhidmatan bas awam secara holistik di dalam kawasan Iskandar Malaysia amnya di Johor Bahru melalui projek berimpak besar seperti Bus Rapid Transit (BRT) dan Stage Bus Service Transformation (SBST) bersama-sama pihak IRDA dan SPAD.

Selain itu pelaksanaan landasan berkembar akan diteruskan dan dijangka akan beroperasi pada tahun 2021. Projek landasan berkembar ini akan diintegrasikan dengan perkhidmatan awam seperti teksi dan bas bagi memastikan jaringan pengangkutan awam yang disediakan berkesinambungan, menyeluruh dan mempunyai kebolehcapaian yang maksimum kepada pengguna. Pembinaan landasan berkembar ini dijangka dapat meningkatkan ekonomi setempat disamping berupaya menggalakkan dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam terutamanya di daerah terlibat seperti Segamat, Kluang, Kulai, Johor Bahru.

PAJ juga akan membantu memperkasakan perkhidmatan teksi dengan melihat dan menambah baik sistem e-hailing yang sedia ada untuk diintegrasikan kepada Mobility Management System (MMS) yang akan diperkenalkan pada masa akan datang.

Disamping itu, pihak Kerajaan Negeri juga akan meneliti keperluan dan kebolehlaksanaan semua cadangan-cadangan penambahbaikan pengangkutan awam seperti yang telah disenaraikan secara terperinci di dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor 2015-2045 (PIPAJ) mengikut daerah bagi seluruh Negeri Johor. Di dalam Pelan Induk ini telah menyarankan pengurangan kebergantungan terhadap penggunaan kenderaan persendirian dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan dan memperbaiki sistem pengangkutan awam serta meningkatkan pecahan mod pengangkutan awam dan pengangkutan persendirian 50:50 seperti yang disarankan menjelang tahun 2045 untuk seluruh negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 4 (A96)

Minta dinyatakan rancangan Kerajaan Negeri untuk membina Loji Rawatan Air di Kahang dan keupayaan loji tersebut bagi menampung keperluan bekalan di Daerah Kluang.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Status terkini kemajuan kerja-kerja pembinaan piping adalah 83.35% dan dijangka siap pada hujung bulan September 2018.

Dengan adanya bekalan air mentah dari Empangan Kahang ke LRA Sembrong Timur dan keupayaan LRA Sembrong Barat yang telah dinaiktaraf dan boleh memproses tambahan 30mld dan memandangkan penggunaan air terawat bagi Daerah Kluang adalah lebih kurang 90mld, sebenarnya bekalan air untuk kawasan tersebut adalah mencukupi buat masa ini.

Walaupun bagaimanapun, untuk mengelak dari kejadian krisis air tahun 2015, dan gangguan bekalan air di kawasan Daerah Kluang dan memandangkan juga pembangunan ekonomi di kawasan tersebut saya telah berbincang dengan YAB Menteri Besar dan telah bersetuju untuk meneruskan dengan pembinaan Loji Rawatan Air Kahang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 5 (A54)

Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menjadikan Kampung Melayu di Bandaraya Johor Bahru sebagai Kampung Melayu Warisan/Tradisi serta destinasi pelancongan?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Terdapat kira-kira 45 buah kampung tradisi dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru antaranya Kampung Melayu Majidi, Kampung Dato Sulaiman Menteri, Kampung Bendahara, Kampung Bakar Batu, Kampung Plentong Tengah, Kampung Stulang, Kampung Kurnia, Kampung Senibong dan Kampung Mohd Amin.

Bagi menambah baik imej kampung-kampung tersebut, perancangan secara komprehensif telah disediakan antaranya melalui kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandaraya Johor Bahru yang melibatkan kawasan perkampungan melayu seperti Kampung Melayu Majidi, Kampung Dato Sulaiman Menteri, Kampung Bendahara dan Kampung Aman, Larkin. Melalui kajian tersebut, kampung-kampung warisan / tradisi yang telah dikenal pasti akan diberi perhatian khusus sebagai destinasi pelancongan di Bandaraya Johor Bahru. Bagi makluman, kajian tersebut kini sedang di peringkat penyediaan draf awal.

Melalui kajian tersebut juga, cadangan pembangunan jangka panjang dan program-program jangka pendek yang menyokong kepada aktiviti pelancong di perkampungan melayu terlibat dikenalpasti dan ditentukan pendekatan serta kaedah pelaksanaannya. Bagi makluman, kajian ini telah dimulakan pada Mac 2018 dan dijangka berakhir pada Disember 2018.

Bagi kampung-kampung yang tidak disediakan pelan pembangunan yang khusus, ia tetap akan diberi perhatian yang sewajarnya melalui projek-projek infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan untuk setiap kampung yang terlibat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN DR. CHONG FAT FULL (PEMANIS)
SOALAN 6 (A64)**

Sila nyatakan feasibility, kemampunan dan anggaran kos keseluruhannya untuk projek Agromix di DUN Pemanis, adakah ia bakal menjadi satu projek Gajah Putih ?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Projek 'Agromix Farm' di Daerah Segamat merupakan sebahagian dari program Agroturism di bawah Hub Pertanian Segamat. Ianya bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berdaya maju dan berjaya di dalam bidang pertanian khususnya tanaman yang menjadi tarikan pelancong ke daerah Segamat iaitu tanaman Durian, kelapa dan limau bali disamping ternakan rusa dan lembu dan juga pusat penetasan ikan air tawar seperti baung, talapia dan juga patin. Disamping itu, projek ini juga diharap akan dapat memperkenalkan teknologi dan inovasi pertanian yang terkini untuk dijadikan contoh bagi dilaksanakan oleh petani setempat.

Bagi program jangka panjang, dalam tempoh selepas 6 tahun beroperasi ianya akan dapat menjadi salah satu lokasi pelancong yang datang ke daerah Segamat untuk merasai sendiri suasana berada di sebuah ladang yang mempunyai gabungan ternakan, tanaman dan akuakultur disamping diperkenalkan dengan pelbagai varieti tanaman durian, kelapa dan limau bali.

Salah satu elemen yang penting didalam memastikan kejayaan projek ini ialah pemilihan peserta. Ianya dipilih melalui proses temuduga oleh panel yang berwibawa diketuai oleh Pegawai Daerah Segamat dan ahli-ahlinya terdiri dari Pengarah Pertanian Negeri Johor, Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Johor, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor dan juga Pengarah Lembaga Pembangunan Nenas Malaysia (LPNM).

Peserta yang disenarai pendek akan diperhalusi melalui lawatan ladang ke projek yang diusahakan sendiri oleh peserta bagi menentukan pengalaman dan juga kejayaan peserta terlibat.

Bagi tahun pertama (2017) pelaksanaan projek ini, sejumlah RM 1,250,000.00 telah dibelanjakan meliputi kos pembersihan kawasan, jalan ladang, pagar kawasan, Kolam takungan air, penyediaan sistem pengairan, bangunan pentadbiran, sumber elektrik dan air, kandang ternakan dan juga papan iklan (billboard).

Adalah diharapkan, berasaskan pemilihan peserta yang berkualiti (melalui tapisan tertentu), modal yang dikeluarkan oleh peserta sendiri dan prospek tanaman, ternakan dan akuakultur yang dipilih projek ini akan terus berkembang dan memberikan impak berasaskan Agro Perlancongan yang berkesan kepada daerah Segamat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 7 (A19)

Adakah kajian telah dilakukan terhadap pemegang sijil UEC berkenaan yang membuktikan mereka tidak menyisihkan diri daripada agenda perpaduan nasional?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Diperingkat Kementerian Pendidikan, Jawatankuasa bagi mengkaji Unified Examination Certificate (UEC) sedang diwujudkan. Jawatankuasa tersebut akan melakukan kajian holistik berhubung Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) termasuklah terhadap pemegang sijil UEC untuk memastikan mereka benar-benar setara dari segi aspirasi agenda perpaduan nasional yang diterapkan dalam sistem pendidikan arus perdana negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 8 (A139)**

Sejajar dengan dasar penjimatan dan perbelanjaan yang berhemah, adakah penglibatan pihak korporat dan dalam pembiayaan projek-projek komuniti seperti taman-taman permainan, pusat-pusat rekreasi tapak perniagaan dan lain-lain projek yang berada dibawah PBT dibenarkan dan adakah garis panduan terhadap kaedah ini?

JAWAPAN YB TUAN TAN HONG PIN

Tanggungjawab menyediakan kemudahan awam dan prasarana komuniti yang mencukupi, termasuklah kemudahan-kemudahan rekreasi, adalah menjadi salah satu teras utama pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Pihak korporat pula berperanan sebagai rakan strategik PBT dalam usaha-usaha mensejahterakan rakyat.

Sebagai contoh, di Majlis Perbandaran Muar (MPM), sumbangan yang disalurkan sama ada dalam bentuk pembiayaan kewangan atau mata benda (kinds) adalah dibenarkan serta didokumenkan secara bertulis sama ada sebagai salah satu prasyarat kelulusan Kebenaran Merancang; Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Parit atau Pelan Landskap; atau selepas sesuatu pemajuan mendapat kelulusan, tertakluk kepada skala minimum pembangunan.

Ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab awam (*social obligation / corporate social responsibility - CSR*) yang dikongsi bersama oleh syarikat dan dapat meringankan beban PBT dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam secara berkesan.

Sumbangan CSR yang diterima termasuklah kemudahan-kemudahan awam seperti pondok menunggu bas, bangku-bangku taman, pasu-pasu bunga untuk pengindahan bandar dan lampu-lampu jalan. Semua syarat ini terkandung dalam kertas kerja yang diangkat dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat, diperakukan dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan dimaklumkan secara bertulis kepada syarikat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB PUAN ZAITON BIN ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 9 (A91)

Minta dinyatakan apakah kelainan perubahan daripada kerajaan mengenai Bas Muafakat Johor kepada Bas Harapan Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Bas Harapan Johor adalah perkhidmatan bas percuma yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Johor bagi laluan-laluan yang tidak pernah mempunyai perkhidmatan bas sebelum ini di kawasan-kawasan pembangunan baru yang berimpak tinggi seperti di Pagoh.

Kerajaan Johor melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor telah meneliti balik model atau program Bas Muafakat Johor yang diperkenalkan sebelum ini, yang perlu disemak semula dengan kos yang terlibat dan tahap kepenggunaannya. Kerajaan Johor memandang serius kepenggunaan Bas Harapan Johor ini yang kurang mendapat sambutan perlu dikurangkan trip atau dipindahkan ke laluan lain bagi memaksimumkan dan mengurangkan kos operasi yang ditanggung oleh Kerajaan Johor.

Kerajaan akan sentiasa mengkaji aspek kos analisis program Bas Harapan Johor secara berterusan untuk menambahbaik perkhidmatan termasuklah mengintegrasikan perkhidmatan Bas Harapan Johor dengan perkhidmatan pengangkutan awam di masa kini dan akan datang dan mengadakan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan pembangunan baru. Ini adalah sebahagian daripada perancangan kerajaan bagi memperluas perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih efisien.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 10 (A8)

Senaraikan dengan secara terperinci semua kawasan-kawasan tadahan air mentah, empangan-empangan dan loji rawatan air (LRA) di seluruh negeri Johor. Nyatakan jumlah bekalan (mld) setiap LRA dan jumlah permintaan bekalan air terawat kawasan domestik dan perindustrian di setiap daerah.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

BAKAJ

Kawasan tadahan air dan empangan di negeri Johor adalah sebagaimana di bawah:

BIL	KAWASAN TADAHAN AIR DAN EMPANGAN (DAERAH)
1.	Upper Layang (Johor Bahru)
2.	Lower Layang (Johor Bahru)
3.	Pulai I (Kulai)
4.	Gunung Pulai II (Kulai)
5.	Pulai III (Kulai)
6.	Pontian (Ulu Choh) (Kulai)
7.	Linggiu (Kota Tinggi)
8.	Lebam (Kota Tinggi)
9.	Seluyut (Kota Tinggi)
10.	Congok (Mersing)
11.	Labong (Mersing)
12.	Juaseh (Segamat)
13.	Gunung Ledang (Tangkak)
14.	Ulu Kesang (Tangkak)
15.	Bekok (Batu Pahat)
16.	Sembrong (Batu Pahat)
17.	Machap (Kluang)
18.	Kahang (Kluang)

Terdapat sebanyak 44 buah loji rawatan air di negeri Johor. Senarai loji-loji dan kapasiti rekabentuk tersebut adalah sebagaimana dinyatakan dibawah :

DAERAH SEGAMAT (8 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Jementah	2.27
2.	Palong Timur	6.82

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

3.	Pemanis	2.27
4.	Air Panas A	14.08
5.	Air Panas C	11.46
6.	Kg. Tengah 1	13.0
7.	Kg. Tengah 2	31.36
8.	Bukit Hampar	14018

DAERAH MUAR (5 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Gombang	3.08
2.	Panchor 1	12.73
3.	Panchor 2	36.36
4.	Panchor 3	36.36
5.	Panchor 4	18.18

DAERAH TANGKAK (3 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Bukit Serampang	4.55
2.	Gerisik	62.20
3.	Gunung Ledang	13.64

DAERAH BATU PAHAT (4 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Sri Gading	72.10
2.	Yong Peng 2	36.37
3.	Yong Peng 3	48.19
4.	Parit Raja 4	63.64

DAERAH KLUANG (5 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Kahang Timur	5.46
2.	Kahang Barat	3.18
3.	Sembrong Barat	80.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

4.	Sembrong Timur	16.16
5.	Simpang Renggam	64.00

DAERAH KULAI (1 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Bukit Batu	2.27

DAERAH JOHOR BAHRU (3 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Sultan Iskandar (Sg. Layang)	318.23
2.	Sultan Ismail (Sg. Skudai)	68.19
3.	Gunung Pulai	81.83

DAERAH KOTA TINGGI (10 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Batu 2, Air Terjun	3.18
2.	Felda Linggiu	1.82
3.	Sungai Sayong 1	13.64
4.	Sungai Sayong 2	31.82
5.	Bandar Tenggara	27.26
6.	Sungai Gembut	9.09
7.	Lok Heng	5.46
8.	Sungai Lebam	54.55
9.	Semangar	318.23
10.	Sg. Johor	318.23

DAERAH MERSING (5 BUAH)

BIL.	NAMA LOJI	KAPASITI REKABENTUK (JLH)
1.	Tenglu	15.00
2.	Endau	10.00
3.	Nitar	4.55
4.	Tenggaroh	11.37

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

5.	Sungai Mersing	10.00
----	----------------	-------

SAJ

Negeri Johor yang mempunyai keluasan 19,984 km² adalah negeri kelima terbesar di Malaysia. Data perangkaan jumlah penduduk di dalam sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia 2018 mencatatkan bilangan penduduk Negeri Johor seramai 3.7 juta orang iaitu negeri ke dua mempunyai taburan penduduk tertinggi selepas Selangor. Pengeluaran purata air bersih daripada 44 buah loji-loji rawatan air di bawah tadbir SAJ Ranhill (SAJ) di negeri Johor pada masa kini ialah 1,816 Juta Liter Sehari bagi menampung keperluan kira-kira 1,154,116 akaun pengguna yang direkodkan sehingga Jun 2018 yang melibatkan sektor domestik sebanyak 86 peratus dan bukan domestik sebanyak 14 peratus.

Terdapat 37 buah loji rawatan air mendapatkan sumber air mentah secara terus dari sungai. Manakala 8 buah loji rawatan air mendapat sumber air mentah terus dari empangan iaitu Empangan Bekok, Sembrong, Labong, Congok, Lebam, Gunong Ledang, Upper dan Lower Layang, Gunong Pulai dan Pontian Kecil. Terdapat 3 empangan yang berfungsi sebagai regulasi paras sungai iaitu Empangan Linggiu, Empangan Juaseh dan Empangan Macap.

Terdapat juga skim pemindahan air mentah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Johor bagi mengatasi krisis bekalan air akibat kemarau yang berlaku pada 2014 hingga 2016 iaitu Skim Pemindahan Air Mentah dari Empangan Seluyut (PAMER) ke Empangan Lebam dan Empangan Upper Layang serta Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Lenggong Ke Empangan Congok.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 11 (A46)

Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat proaktif dalam mengenal pasti golongan sasaran penerima bantuan atau menunggu pihak berkaitan memohon bantuan?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menggunakan pendekatan turun padang bersama pegawai kes dan sukarelawan yang berdaftar di bawah JKM melalui Program berbentuk Pendampingan Sosial (*Outreach*) / Program Cari & Bantu (*Search & Serve*) bagi mengenal pasti golongan sasaran penerima bantuan. Selain itu melalui hubungan baik Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah dengan penghulu-penghulu di setiap daerah juga membantu JKM mengenalpasti golongan sasaran yang berkeperluan melalui pelaksanaan kerja sosial.

Setiap permohonan yang lengkap diterima akan disiasat dalam tempoh 2 minggu dan diberi pertimbangan berdasarkan kelayakan dan bukan hak tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan jantina dan seterusnya akan dimaklumkan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permohonan yang lengkap.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 12 (A172)**

Apakah perancangan berserta langkah-langkah kerajaan dalam mewujudkan kawasan perlindungan yang mampu mengekalkan ekosistem habitat Burung Botak di daerah Muar?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Jabatan Perhutanan Negeri Johor bertanggungjawab dalam menguatkuasakan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 (Akta 313) bagi menguatkuasakan Undang-undang mengenai pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan di dalam negeri Johor.

Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor masih lagi mengekalkan dan memelihara kawasan-kawasan rizab Hutan Simpanan Kekal di kawasan Muar, Johor bagi melindungi spesies Burung Botak (lesswer adjutant) atau nama saintifiknya *leptoptilos javanicus*, yang tersenarai di dalam Jadual Pertama (spesies hidupan liar yang dilindungi), dan Jadual Kedua (spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya) di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang dikuatkuasakan oleh pihak Jabatan PERHILITAN,

Terdapat dua (2) kawasan Hutan Simpanan Kekal dengan keluasan 4,289.36 hektar telah diwartakan oleh pihak Jabatan semenjak tahun 1940an lagi iaitu Hutan Simpan Air Hitam Utara (3,795.84 ha) dan Hutan Simpan Air Hitam Utara Tambahan (493.52 ha) yang merupakan satu-satunya kawasan hutan paya gambut di Daerah Muar yang masih ada di Negeri Johor.

Selain daripada itu, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor juga turut menjalankan program-program kesedaran dan pemuliharaan kawasan hutan seperti aktiviti penanaman pokok di persisiran pantai serta bersekitaran Daerah Muar melalui program CSR dan kerjasama dengan pihak sekolah, agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta serta Institusi Pengajian Tinggi secara aktif dan berterusan dalam memastikan ekosistem habitat bukan hanya untuk Burung Botak sahaja malah bagi spesies-spesies fauna yang lain juga agar kekal terpelihara.

Seluas lebih kurang lima (5) hektar kawasan-kawasan jajaran persisiran pantai dan sekitar Daerah Muar telah dijalankan penanaman pokok oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan spesies bakau seperti Api-api (*Avicinia* spp.), Bakau Kurap (*Rhizophora murconata*), Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) dan Rhu Pantai (*Casuarina equisetifolia*). Antaranya kawasan yang dijalankan penanaman adalah di Kuala Sg. Kesang Laut, Kampung Sri Menanti Laut dan kawasan Parit Unas Laut, Parit Penyengat serta pantai sekitar Parit Jawa, Muar selain beberapa kawasan sekolah bersekitaran di dalam Daerah Muar bertujuan menambahkan *stocking* kawasan penanaman pokok selain menyediakan ekosistem habitat fauna yang bersesuaian di Daerah Muar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

Pihak Jabatan juga sedang mengambil langkah dalam rangkaewartakan beberapa kawasan Tanah Kerajaan bersekitaran Daerah Muar yang telah dikenalpasti sebagai kawasan berhutan untuk dijadikan sebagai Hutan Simpanan Kekal. Seluas lebih kurang 6,711ha kawasan persisiran pantai di Sungai Kesang ke Parit Bakar serta Parit Bakar ke Sungai Bagan Benut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun 2005 dan masih lagi di dalam tindakan proses pewartaan bagi dijadikan sebagai Hutan Simpanan Kekal. Peningkatan jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal di Daerah Muar ini nanti mampu meningkatkan lagi kawasan perlindungan serta menjamin pengekalan ekosistem habitat Burung Botak dan lain-lain spesies fauna di Negeri Johor amnya dan di Daerah Muar khasnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)
SOALAN 13 (A151)

Adakah pihak kerajaan mendapati Bas Harapan Johor yang dahulu dikenali sebagai Bas Muafakat Johor ini mampu memberi impak yg baik kepada pengguna di Johor dan kewajaran kemudahan bas ini diteruskan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Bas Harapan Johor (BHJ) yang dahulu dikenali sebagai Bas Muafakat Johor adalah satu inisiatif daripada kerajaan negeri Johor bagi membantu penduduk setempat supaya lebih mudah berulang-alik ke tempat kerja, sekolah dan pelbagai lokasi lain. Kemudahan pengangkutan awam yang baik dapat meningkatkan produktiviti dan taraf hidup penduduk. Program bas percuma ini wajar diteruskan bagi meringankan beban pengguna pengangkutan awam di dalam kawasan bandar-bandar utama dan kawasan sosial yang tidak/kurang mempunyai perkhidmatan bas.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 14 (A4)

Apakah kerajaan Negeri Johor bersedia untuk mengiktirafkan Sijil UEC memandangkan negeri-negeri di bawah kerajaan PH seperti Selangor, Pulau Pinang, Melaka telah mengiktirafkan Sijil UEC serta Perak telah bersedia mengiktirafkannya. Sekiranya ya, apakah syaratnya? Jika tidak, apakah sebabnya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Unified Examination Certificate (UEC) adalah satu sijil pelajaran yang digunakan oleh sekolah persendirian Cina di Malaysia yang menggunakan sistem pendidikan sendiri di bawah selian Dong Zong.

Berdasarkan Akta Pendidikan 550, Merujuk kepada Bahagian V: Penilaian dan Peperiksaan, Syeksen 68 (e), Menteri Pendidikan boleh membuat peraturan – peraturan yang mengadakan peruntukan bagi pengendalian peperiksaan termasuklah penubuhan badan atau lembaga untuk menguruskan dan mengendalikan peperiksaan. Kementerian Pendidikan sedang mewujudkan jawatankuasa yang mengkaji dan mengumpul fakta-fakta berhubung UEC secara menyeluruh bagi tujuan pengiktirafan tersebut. Untuk makluman YB, sebarang keputusan mengenai Sijil Peperiksaan Bersama (UEC), yang dikeluarkan oleh kerajaan Johor adalah setelah

- i. Melakukan kajian holistik berhubung Sijil Peperiksaan Bersama (UEC)
- ii. Menyemak kurikulum Sijil Peperiksaan Bersama (UEC), terutama subjek teras seperti Bahasa Melayu serta Sejarah
- iii. Mengambil kira Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- iv. Akta Pendidikan 1996 (Akta 50) yang menyatakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan negara
- v. Mengkaji dan mengambil sudut pandang pelbagai pihak
- vi. Memastikan perpaduan serta keharmonian rakyat diutamakan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB DATUK HAJAH SH. AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 15 (A33)**

Kanser payudara adalah kanser yang paling banyak membunuh wanita di Malaysia. Adakah Kerajaan akan meneruskan program pemberian subsidi mamogram dan berapa ramai wanita yang akan mendapat manfaat daripada program ini?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terutama wanita mengenai kanser payudara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan Program Subsidi Ujian Mamogram.

Program ini menyasarkan kepada wanita warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang berumur 40-70 tahun yang layak bagi mendapat saringan ujian mamogram di Pusat Mamogram Swasta yang berdaftar dengan LPPKN.

Walaupun, bagi wanita yang berumur 35-39 tahun yang mempunyai sejarah keluarga mendapat kanser payudara sebelum berumur 40 tahun juga layak mendapat subsidi ini melalui rujukan Doktor.

Ujian saringan mamogram PERCUMA diberikan kepada wanita yang berisiko tinggi berpendapatan isirumah RM10,000.00 dan ke bawah. Manakala, bagi wanita yang berpendapatan isirumah melebihi RM10,000.00, subsidi sebanyak RM50 diberikan bagi setiap ujian mamogram yang dilakukan.

Mereka boleh memohon untuk menyertai program ini melalui 53 buah klinik-klinik LPPKN di seluruh negara. Pemohon yang layak akan menjalani pemeriksaan payudara di klinik tersebut dahulu sebelum dirujuk kepada 15 pusat-pusat mamogram yang berdaftar juga di seluruh negara.

Di Johor Bahru pusat mamogram yang berdaftar ialah di Hospital KPJ (Puteri). Pada tahun 2018 di Negeri Johor, kerajaan telah menetapkan sasaran **450** orang wanita bakal menjalani ujian mamogram. Setakat Januari 2018 hingga Julai 2018 sebanyak **194** telah menjalani ujian mamogram ini. Keputusan ujian tersebut telah menunjukkan;

184 orang wanita – Normal

10 orang wanita - Untuk penyiasatan lanjut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 16 (A174)

Apakah status terkini perancangan kerajaan negeri PH Johor untuk menjadikan Johor sebagai hub makanan terulung?

JAWAPAN YB TUAN DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL

Negeri Johor merupakan salah satu penyumbang terbesar bagi pengeluaran tanaman makanan di Malaysia. Berdasarkan Buku Perangkaan AgroMakanan 2017 (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani), Johor mengeluarkan 592,075.51 metrik tan buah-buahan iaitu 41% daripada keseluruhan Malaysia; 203,846 metrik tan sayur-sayuran (19% daripada Malaysia); 42,424 metrik tan tanaman kontan (20% daripada Malaysia); 107,731 metrik tan tanaman kelapa (21% daripada Malaysia); 13,690.10 metrik tan tanaman rempah-ratus (24% daripada Malaysia); serta 274,284.36 metrik tan nanas (81% daripada Malaysia).

Bagi membangunkan negeri Johor sebagai hub makanan terulung, bersesuaian untuk menampung keperluan dalam negeri dan untuk menjamin keselamatan bekalan makanan yang mencukupi dan berterusan serta membendung kenaikan harga, Kerajaan Negeri merangka program dan tindakan yang positif ke arah usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan tanaman makanan yang mencukupi melalui program seperti berikut :

- a. Tanaman Selingan(*Intercropping*)
- b. Kebun Integrasi
- c. Pembukaan kawasan baru
- d. Penambahbaikan kawasan sedia ada

Negeri Johor sebenarnya telah melaksanakan usaha-usaha yang berterusan untuk memastikan supaya pengeluaran bahan makanan khususnya untuk keperluan dalam negeri semenjak beberapa dekad yang lalu melalui program berskala besar seperti Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) oleh PPK, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) oleh Jabatan Pertanian dan JPV, Pembukaan Ladang Pertanian Moden oleh MOA dan Pembangunan Ladang Bio Desaru oleh Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech).

Penglibatan para petani dan usahawantani juga tidak dipinggirkan, malah terus diberi bimbingan dan bantuan agar mereka terus dapat bergiat secara aktif dan berterusan untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian seperti buah-buahan, tanaman kontan dan sayur-sayuran dengan memaksimumkan penggunaan tanah di kawasan kebun mereka yang sedia ada.

Produk-produk berasaskan pertanian meningkat harganya disebabkan antara lainnya, daripada harga baja yang melambung tinggi. Kerajaan Negeri menyedari kebimbangan terhadap kenaikan harga baja dan lain-lain input telah meningkat,

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dan penurunan harga minyak akhir-akhir ini di peringkat global dan juga di dalam negara.

Jabatan Pertanian sedang mempergiatkan promosi dan penyampaian maklumat mengenai teknologi *Effective Microorganisma* atau Mikrob Berfaedah kepada para pekebun sedia ada (menggunakan baja kimia) agar beralih kepada pembangunan pertanian secara organik. Penggunaan teknologi Mikrob Berfaedah merupakan salah satu aspek penting dalam mengurangkan penggunaan baja dan racun kimia dalam aktiviti pertanian, sekaligus dapat memelihara alam sekitar. Pada masa kini, pengamalan pertanian organik masih rendah dan penggunaan baja dan racun kimia terus meningkat.

Di masa hadapan, bagi pembangunan pertanian organik, tumpuan akan diberikan kepada proses-proses pembuatan baja organik, pembuatan *bio-pest repellent* menggunakan bahan semulajadi yang terdapat di persekitaran melalui *hands on* di ladang pengusaha yang terpilih dalam usaha untuk menjadikan ladang tersebut sebagai ladang contoh yang mengamalkan pertanian organik.

Sebagai contoh, melalui pertanian organik / "Natural Farming" (tanpa racun dan baja kimia) petani akan didedahkan dengan kaedah pembuatan baja hijau (dari bahan terbuang seperti kangkung/batang pisang/buah muda), baja buah-buahan, baja berasaskan ikan, baja berasaskan tulang dan baja berasaskan kulit telur/kerang/siput. Bagi kawalan perosak tanaman (hamama, afid, lalat putih dan kutu daun) pula, beberapa bahan terpakai digunakan seperti cili api dan bawang putih.

Di Negeri Johor, pembangunan pertanian organik adalah melalui penggunaan mikrob berfaedah di ladang-ladang petani. Fungsinya sebagaimana sedia maklum ialah untuk membangunkan industri pertanian organik secara komersial dan berdaya saing. Pada masa yang sama, ianya juga akan mewujudkan pembangunan dan promosi teknologi bagi menggalakkan pengusaha mengamalkan teknologi terkini untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil yang bermutu tinggi.

Dengan kurangnya pergantungan terhadap baja dan racun kimia yang melambung tinggi harganya, diharapkan produk-produk berasaskan pertanian dapat dipasarkan dengan harga yang lebih murah di masa hadapan, serta hab kecukupan makanan dapat direalisasikan dan dijayakan di Negeri Johor.

Seterusnya untuk Sektor Penternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor telah merangka beberapa strategi dan projek yang telah bermula dan dalam proses pelaksanaan iaitu :

1. Perancangan Rancangan Johor 5 tahun (RJ5T) bagi Industri Tenusu Negeri Johor 2017-2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

Objektif adalah bagi :

- a. Peningkatan dari 7 juta liter pengeluaran susu setahun kepada 10 juta liter/tahun menjelang tahun 2022 dengan kadar sara diri 9%
- b. Transformasi 40 orang penternak yang sedia ada kepada semi komersial menjelang tahun 2022

Strategi–strategi yang dirancang adalah:

a. Pembangunan Lembah Tenusu Jemaluang

Bagi memacu pembangunan industri lembu tenusu, kerajaan negeri bersama Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan J-Biotech akan melaksanakan 3 inisiatif utama salah satunya ialah **Pembangunan Lembah Tenusu Jemaluang** meliputi kilang pemprosesan hasil tenusu daripada peternak setempat serta pembuatan keju dengan brand “Desaru Cheese” bernilai **RM 70 juta.**”

b. Membangunkan Agro-Mix Dairy Farm di Segamat

Membangunkan ladang komuniti lembu tenusu di Mukim Sermin, Segamat. Ini adalah selari dengan penetapan Segamat sebagai hub pertanian, eko dan agro pelancongan, gaya hidup dan cabaran yang dijana oleh teknologi moden sumber lestari dan pemasaran efektif. Program meliputi penanaman rumput napier seluas 20 ekar/lot yang melibatkan 3 lot . Sejumlah 30 bibit lembu tenusu ditempat untuk 1 lot maka 90 ekor bibit bagi 3 lot tanah yang akan menjana pengeluaran susu sejumlah 155,000 liter/tahun bagi Segamat.

c. Cadangan Pembangunan Lembu Tenusu Di Ladang-Ladang Satelit Negeri Johor.

i. Transformasi penternak pedaging kepada tenusu diladang satelit – 30 ekor lembu tenusu perah, 10 liter/ekor/hari/

ii. Lokasi ladang-ladang satelit dan penternak pedaging:

1. Ulu Bakri Muar (2)
2. Lubok Bakul Muar (3)
3. Peta Temalik (3)
4. Bangas, Segamat (2)

2. Perancangan RJ5T bagi Industri Pedaging Negeri Johor 2017-2022

Meningkatkan pengeluaran domestik daging lembu daripada **29%** kepada **40%** dan meningkatkan populasi lembu induk pembiak kepada **0.6 juta ekor**

Strategi Jabatan adalah :

- i. **Peningkatan populasi lembu pedaging kepada lebih 100,000 menjelang tahun 2025 melalui**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

- a. Penglibatan swasta dalam integrasi di ladang kelapa sawit – Jcorp, YPJ, Felcra, Ladang Swasta
- b. Baka-baka seperti Brahman, Kedah Kelantan,
- ii. **Peningkatan populasi kambing pedaging dan bebiri kepada 70,000 ekor menjelang tahun 2025**
 - a. Baka-baka seperti Dopper, Santa Ines, Barbados, Kacukan Boer
- iii. **Kawalan penyakit dan kesihatan ternakan kearah Negeri Johor bebas penyakit kuku dan mulut(FMD) pada tahun 2020, Prevalence Brucellosis < 2%.**
- iv. **Pembangunan ladang Agroteknologi dalam perusahaan penternakan dan pemrosesan produk berasaskan ternakan :**
 1. Pembinaan Rumah Sembelih Negeri di Lot PTD 3357 Mukim Jementah, Segamat
 2. Pusat Pengumpulan Ternakan di TKPM Tanjung Lingka dan TKPM Belungkar Juling, Endau, Mersing
 3. Pusat Jualan Agro Vet di Lot 1368, Jalan Genuang, Mukim Sungai Segamat, Segamat
 4. Membangun dan menaiktaraf Projek "Meat Shop" berasaskan ternakan di Mukim Jementah, Segamat
- v. **Peningkatan tahap usahawan dan rangkaian pemrosesan produk (produk tambah nilai)- produk berasaskan daging dan susu seperti Malinja Doner Kebab, Meat ball etc**

3. Pembangunan Koloni Kerbau Pedaging

- Industri penternakan kerbau daging boleh menyumbang peningkatan pengeluaran daging Negara. Cadangan diwujudkan koloni kerbau pedaging di TKPM Pogoh 2, Segamat dengan jumlah bibit 100 ekor melibatkan 5 penternak sedia ada. Bantuan baka ternakan iaitu 9 ekor betina dan 1 pejantan
- Melibatkan peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM 410,000 melibatkan 45 ekor induk dan 5 jantan
- Bantuan benih rumput RM 100,000 dan menaiktaraf kandang+ RM 50,000

Ini bersesuaian kerana Segamat merupakan Hub Pertanian, Eko dan Agro pelancongan yang lestari.

4. Penanaman Sumber Hasil Makanan Setempat.

Kerajaan & agensi pelaksana menyediakan kawasan tanah sekurang-kurangnya 500 ekar bagi mewujudkan pusat pengeluaran *fodder* setempat (rumput napier, *purple guinea*, moringa, jagung dan lain-lain). Melibat lokasi seperti TKPM Kahang Barat,

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

TKPM teluk Rimba, Tangkak , TKPM Tebing Tinggi, TKPM Tungku Tiga , TKPM Lukut dan TKPM Pengkalan Batu bagi menampung keperluan makanan ternakan ruminan negeri Johor.

5. Mewujudkan penternakan ayam berskala besar

Diterajui oleh J-Corp iaitu mewujudkan Projek Usahawan Ayam Pedaging dengan sasaran 40 Penternak Bumiputera di Negeri Johor.

6. Membangunkan Bank Benih Johor (2018-2025)

Strategi Jangka Pendek:

- Memperkasakan Pusat Pengeluaran Baka Ternakan Sedia Ada Di Negeri Johor
- Mengimport Benih Ternakan (Embrio Tulen) Berkualiti Untuk Dibiakkan Di Pusat Pembiak Baka Atau Ladang-Ladang Yang Telah Dikenalpasti
- Mengimport Baka Penjantan & Betina Untuk Dibiakkan Di Ladang-Ladang Mardi

Strategi Jangka Panjang:

- Mewujudkan Pasukan Pelaksana Pembiak Baka (Inseminator) Negeri Johor Seramai 50 Orang (5 Orang/ Daerah) Dalam Tempoh 5 Ke 10 Tahun
- Meningkatkan Bilangan Baka Pedaging Terpilih (Brahman, Kk (Kedah-Kelantan), Brahman Cross Belgium Blue, Charolais, Limousin Dan Lembu Bali)
- Meningkatkan Bilangan Populasi Baka Tenusu Terpilih (Mafriwal, Lid-Local Indian Diary, Fresian Shahiwal)
- Aplikasi Teknologi Pembiakan Terkini (AI, ET)
- Meningkatkan Bilangan Baka Kambing Pedaging Terpilih (Katjang, Jamnapari, Boercross)
- Meningkatkan Bilangan Baka Kambing Tenusu Terpilih (Saanen, Toggenburg, British Alpine, Anglo Nubien)
- Meningkatkan Bilangan Baka Bebiiri Terpilih (Malin, Siamese Long Tail, Santa Ines, Barbados Black Belly)
- Mempopularkan Industri Kerbau Sawah)
- Peruntukan **5.0 juta untuk tempoh 3 tahun** permulaan
- Peruntukan **10.0 juta untuk tempoh 10 tahun**

Untuk makluman, kapasiti pendaratan ikan laut di Johor adalah sebanyak **80,000 – 130,000 tan metrik** setahun dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, iaitu **5.3 – 8.6%** menyumbang kepada pendaratan ikan Malaysia. Pengurusan sumber dan pemuliharaan sumber secara berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan sumber ikan negeri Johor adalah mapan dan berdaya maju.

Bilangan penternak akuakultur Johor adalah seramai **1,093** orang (501 penternak air tawar & 592 penternak air payau) dengan pengeluaran akuakultur tahunan sebanyak **26,442 tan metrik** (9,625 tm air tawar & 16,817 tm air payau) bernilai hampir **RM325 juta**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah mensasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak **1.443 juta tan metrik** menjelang tahun 2020 di mana kerang-kerangan (kerang, kupang, tiram) berpotensi dalam menyumbang sebanyak **45 ribu tan metrik (3%)** bagi mencapai sasaran tersebut.

Jabatan Perikanan telah merancang untuk membangunkan Estet Kerang Johor di sepanjang pantai dataran berlumpur bermula daripada Sg. Kesang di Daerah Tangkak hingga ke Penerok di Daerah Pontian. Kawasan Estet Kerang yang dirancang ini adalah terletak kurang daripada 2 batu nautika daripada pantai, merangkumi aktiviti ternakan, pembenihan dan pembakaan di kawasan keseluruhan berkeluasan lebih 8,000 hektar.

Pengurusan sumber kerang dilaksanakan di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan Dan Kultur Kerang) 2002 dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Sistem Kultur Laut) 1990 bagi menjamin sumber kerang negara terus mapan. Di bawah Dasar Pelesenan Perikanan, lesen pengutipan kerang dikhaskan untuk nelayan berlesen setempat. Di samping itu penglibatan komuniti nelayan (myKP) dan industri hiliran akan dibangunkan berasaskan konsep komuniti.

Melalui pembentukan Plan Pengurusan Ternakan Kerang (Fisheries Management Plan – FMP) dijangka dapat meningkatkan lagi hasil pengeluaran kerang secara menambahbaik peraturan berkaitan penuaian, musim tangkapan dan pengezonan kawasan yang dibuat secara persetujuan bersama pihak berkepentingan.

Melalui sistem pengurusan sumber terancam secara kerjasama dengan resort di kepulauan mersing, telah berjaya menarik pelancongan dari dalam dan luar negara, pada masa yang sama juga, usaha perlindungan penyu dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan berkesan.

Pembangunan secara bersepadu kerang-kerangan akan menyumbang ke arah Negeri Johor sebagai hub kerang-kerangan. Satu Pelan Pembangunan Kerang-kerangan bagi negeri Johor akan dirangka termasuklah cadangan merizabkan kawasan industri kerang sebagai Estet Kerang Johor,ewartakan kawasan pembenihan kerang yang dikenalpasti serta menyediakan kemudahan bersepadu ternakan termasuk infrastruktur asas.

Bagi tujuan keselamatan makanan, aktiviti-aktiviti surveilan dan penyampelan kerang-kerangan melalui National Shellfish Sanitation Program (NSSP) telah dilaksanakan bagi memastikan kerang yang dihasilkan adalah berkualiti dan selamat dimakan. Program pemantauan menunjukkan tiada pelanggaran terhadap parameter pada kerang-kerangan yang dianalisa dan memenuhi piawai eksport. Manakala bagi potensi hiliran industri kerang-kerangan ini dapat menjana pendapatan yang lumayan kepada nelayan yang mengusahakannya kerana harga kerang yang diproses (RM30/kg) meningkat tiga kali ganda dari harga kerang yang belum diproses (RM10/kg).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 17 (A169)**

Bilakah kerajaan Johor akan membuat pengisytiharan secara rasmi bagi Unified Examination Certificate (UEC) yang akan berkuatkuasa di negeri Johor?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Kerajaan akan melakukan kajian holistik sebelum membuat sebarang keputusan berhubung pengiktirafan Sijil UEC.

Sebarang keputusan mengenai UEC yang dikeluarkan oleh kerajaan Johor adalah setelah mengambil sudut pandang pelbagai pihak dan memastikan perpaduan serta keharmonian rakyat diutamakan dalam menetapkan sebarang keputusan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 18 (A80)**

Adakah kerajaan Johor bercadang mengiktiraf UEC dan apakah alasannya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Sebarang keputusan mengenai Sijil Peperiksaan Bersama (UEC), yang dikeluarkan oleh kerajaan Johor adalah setelah

- i. Melakukan kajian holistik berhubung Sijil Peperiksaan Bersama (UEC)
- ii. Menyemak kurikulum Sijil Peperiksaan Bersama (UEC), terutama subjek teras seperti Bahasa Melayu serta Sejarah
- iii. Mengkaji dan mengumpul fakta-fakta berhubung UEC secara menyeluruh
- iv. Mengambil kira Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- v. Akta Pendidikan 1996 (Akta 50) yang menyatakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan negara
- vi. Mengambil sudut pandang pelbagai pihak
- vii. Memastikan perpaduan serta keharmonian rakyat diutamakan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 19 (A10)**

Apakah keadaan terkini bagi projek pembinaan Pusat Pentadbiran Baru Tangkak dan Pusat Pameran Gergasi Tangkak.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) tidak mempunyai sebarang maklumat berkaitan Pusat Pameran Gergasi Tangkak sebagaimana soalan yang di majukan.

Namun bagi pembinaan Pusat Pentadbiran Baru Tangkak dan Pusat Pameran Perabot Tangkak, status pemilikan tanah adalah di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dan melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 12 Februari 2008 yang menetapkan pihak Cahaya Jauhar Sdn Bhd (CJSB) sebagai kontraktor yang dilantik untuk fasa pembinaan. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat sebarang bentuk perjanjian yang telah dipersetujui di antara kerajaan negeri dengan pihak CJSB.

Berdasarkan kajian pasaran yang telah dilaksanakan oleh CJSB, permintaan terhadap keperluan pembangunan plot-plot komersil di daerah Tangkak adalah rendah. Oleh yang demikian, kerajaan negeri berpandangan bahawa pembangunan ini tidak berdaya maju untuk dibangunkan secara penswastaan namun sekiranya ia ingin diteruskan jua, kerajaan negeri perlu memperuntukkan sejumlah kewangan yang besar bagi tujuan pembangunan ini. Pada masa kini, kerajaan negeri secara proaktif masih memperhalusi dan memperincikan konsep pembangunan agar projek ini boleh dimajukan sekiranya ia masih ingin diteruskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB PUAN ZAITON BIN ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 20 (A93)

Minta dinyatakan Pelan Pembangunan Strategik Johor setiap daerah seperti digariskan kerajaan terdahulu akan diteruskan atau diubahsuai.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang digariskan kerajaan terdahulu lebih menekankan aspek dan formula (dengan izin) “decentralization” dalam perancangan pertumbuhan ekonomi yang mana sebenarnya telah banyak dipraktiskan sebelum ini di negara-negara maju. Formula ini dilaksanakan agar perancangan ekonomi tidak direncanakan di peringkat pusat semata-mata dan akan berfokuskan kepada pemeraksanaan perancangan kepimpinan setempat iaitu melalui pejabat-pejabat Daerah.

Pelan ini telah pun dibentangkan kepada Kerajaan Pakatan Harapan dan penilaian awal telah mendapati pelan ini perlu diteruskan kerana ianya berfokuskan kepada pertumbuhan ekonomi dan bukanlah suatu pelan yang dipengaruhi unsur-unsur politik. Namun begitu, penambahbaikan terhadap pelan ini akan dilakukan secara intensif sejajar dengan perubahan keperluan pasaran yang begitu pantas dan dinamik.

Sektor-sektor yang telah dijadikan kebitaraan di setiap daerah selama ini telah mula dinilai semula kebolehlaksanaan serta nilai tambahnya agar ianya akan memberi pulangan ekonomi yang optimum kepada negeri Johor. Kesemua sektor dan teras yang telah terkandung dalam pelan ini akan distrukturkan semula secara besar-besaran agar permasalahan serta isu yang membelenggu industri perniagaan di semua peringkat yang sebelum ini tidak dapat diselesaikan kerajaan terdahulu dapat diatasi secara tuntas dan efisien.

Selain itu, visi asal pelan ini yang memfokuskan kepada pengagihan penajaan ekonomi menyeluruh dan tidak tertumpu di kawasan selatan negeri Johor juga sedang dinilai semula keberkesanannya. Ini kerana, meskipun ianya menjadi matlamat asal pengwujudan pelan ini pada 2016, pelaburan dan aktiviti ekonomi masih terlalu bertumpu di selatan Johor iaitu di Iskandar Malaysia dan Pengerang. Oleh sebab itu, Kerajaan Pakatan Harapan yang menerajui tampuk kepimpinan negeri telah awal-awal lagi meletakkan agenda mewujudkan Wilayah Pembangunan Koridor Johor Utara sebagai manifesto dan membuktikan keseriusan kerajaan pada hari ini untuk memastikan penajaan dan pengagihan ekonomi yang lebih menyeluruh dan terancang dapat dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 21 (A81)

Apakah keperluan dan kewajaran rebranding sehingga melibatkan sebahagian logo Harapan yang orang ramai melihat sebagai simbol kepartian?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Saya ingin mengulangi pendirian kepimpinan kerajaan negeri di dewan yang mulia ini, mana-mana inisiatif atau dasar yang baik daripada kerajaan terdahulu akan diteruskan dan jika program-program yang mempunyai kekurangan, kita sebagai kerajaan yang pro-rakyat akan membuat penambahbaikan. Semua ini bagi memastikan kesejahteraan rakyat Johor. Pendekatan ini juga diambil sebagai cerminan politik matang yang diamalkan kerajaan baharu.

Buat masa ini, Kerajaan negeri masih belum memuktamadkan logo yang akan menjadi simbol kepada kerajaan yang baru. Apa yang ingin saya nyatakan, mana-mana pentadbiran kerajaan baru pasti akan membuat 'rebranding' bagi melambangkan imej yang bersesuaian dengan pentadbiran kerajaan yang baharu.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN SOLIHAN BIN BADRI (TENANG)
SOALAN 22 (A38)**

Projek yang dikenali sebagai Johor Eco Entertainment Park (JEEP) akan dibangunkan di Bandar Akademik YPJ, Kota Tinggi bernilai RM2.7 bilion dimulakan dengan fasa 1 pada tahun ini dengan kos berjumlah RM698.7 juta. Persoalannya ialah rakyat masih tiada maklumat mengenai projek ini di segi pihak-pihak yang melabur, faedah kepada rakyat dan sejauh mana ia memberi kesan kepada ekonomi Johor?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 23 (A43)**

Minta dinyatakan rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Johor Eco Entertainment Park (JEEP) di Bandar Akademi YPJ Kota Tinggi akan diteruskan atau tidak. Sekiranya tidak, sila nyatakan mengapa.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A38 & A43)**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon menjawab ADUN Tenang dan ADUN Pasir Raja secara bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelabur terbesar bagi projek yang dikenali sebagai Johor Eco Entertainment Park (JEEP) di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi ialah Sanderson Group yang berpangkalan di Australia melalui anak syarikatnya Sanderson Group Parks Sdn. Bhd. Sanderson Group telah terlibat dan pernah memajukan pelbagai projek termasuk Movie Action Parks Studios (MAPS) di Ipoh, Masjid Kristal di Kuala Terengganu, 4 daripada 7 pembangunan di Universal Studio Singapura, River Safari bagi Singapore Zoo dan pelbagai rekaan dan pembangunan bagi Sea World, Movie World dan Dream World di Gold Coast, Australia dan juga Ocean Park di Hong Kong.

Projek JEEP ini dijangkakan akan memberikan pelbagai faedah kepada rakyat Johor khususnya dan Malaysia amnya dengan mewujudkan sehingga 5,250 peluang pekerjaan sepenuh masa dan separuh masa apabila siap sepenuhnya dalam masa 8 – 9 tahun akan datang. Ia juga akan memberi peluang kepada rakyat Johor dan Malaysia amnya untuk meningkatkan kemahiran bagi pekerjaan-pekerjaan dalam industri pelancongan terutamanya berkaitan pengurusan dan operasi taman tema, perkhidmatan hospitaliti dan industriindustri sokongan yang lain.

Dari segi ekonomi, projek ini dijangkakan akan dapat menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan ke negeri Johor dan sekaligus meningkatkan hasil pendapatan kepada negeri ini. Dijangkakan, projek ini akan dapat menarik sehingga lebih daripada 4 juta pelancong setahun apabila ianya siap sepenuhnya nanti. Di samping itu, pembangunan projek JEEP ini juga diharapkan agar dapat membantu

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

membangunkan dan menaikkan taraf ekonomi penduduk dan kawasan sekitarnya khususnya di daerah Kulai dan Kota Tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan projek JEEP ini bagi memastikan industri pelancongan di negeri ini dapat terus dikembangkan. Perjanjian usahasama oleh syarikat-syarikat swasta yang akan membangunkan projek ini telah ditandatangani pada Ogos 2017.

Syarikat-syarikat terbabit telah memenuhi "Pra Syarat Pertama" (First Conditions Precedent) perjanjian pada 22 November 2017 yang lalu. Pada masa ini syarikat-syarikat terbabit sedang giat berusaha bagi memenuhi "Pra Syarat Kedua" (Second Conditions Precedent) bagi menjayakan cadangan pembangunan projek JEEP ini. Syarat-syarat Terdahulu Kedua ini dijangkakan akan dapat dipenuhi selewat-lewatnya menjelang pertengahan November 2018 (sekiranya tiada keadaan yang tidak dijangkakan) bagi membolehkan kerja-kerja pembangunan dimulakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 24 (A3)**

Apakah kerajaan Negeri Johor bersedia untuk mereformasi Dewan Negeri agar ia ada kuasa pentadbiran yang tersendiri dengan penggubalan Enakmen Pentadbiran Dewan Undangan Negeri Johor (Johor Legislative Assembly Administration Enactment)

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pada masa ini belum terdapat keperluan menggubal satu enakmen untuk pentadbiran Dewan Negeri. Walau bagaimanapun, peranan Dewan Negeri akan diperkukuhkan berdasarkan peruntukan sedia ada di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor selari dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 16 OGOS 2018**

YB PUAN ZAITON BIN ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 25 (A90)

Minta dinyatakan apakah misi, visi dan perancangan kerajaan dalam merealisasikan Johor Negeri Berprestasi Tinggi serta Bangsa Johor Bestari.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan negeri sedang dalam usaha untuk memastikan pembangunan negeri Johor terus berkembang maju dan kekal menjadi kuasa ekonomi di Malaysia. Menerusi Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030, kerajaan negeri akan melancarkan proses gerak kerja merangka pelan misi, visi dan perancangan kerajaan dalam merealisasikan Johor Negeri Berprestasi Tinggi serta Bangsa Johor Bestari yang akan dibentangkan pada sambutan 100 hari Kerajaan Baharu Johor pada 18 Ogos ini di Persada.

Bagi memastikan pelan ini memberikan impak yang tinggi, kerajaan negeri akan mendapatkan pandangan daripada jabatan, agensi, pihak swasta dan juga pandangan daripada rakyat secara keseluruhan.

Bagi memastikan pembangunan yang berlaku lebih seimbang di setiap wilayah negeri Johor, kerajaan negeri akan meneruskan momentum pembangunan pesat di kawasan Johor Bahru dan Pengerang. Selain itu, kerajaan negeri juga turut memberikan fokus terhadap pembangunan yang pesat di kawasan Utara Johor antaranya dalam pertanian dan industri asas tani, sektor pelancongan di daerah Mersing berdasarkan sumber alam semula jadi dan juga pengukuhan bandar Ayer Hitam di dalam industri seramik dan tembikar.

Ini akan memastikan rantaian ekonomi yang berimpak tinggi selain memastikan kepelbagaian sumber ekonomi negeri Johor dan tidak hanya bergantung kepada satu-satu sumber ekonomi sahaja.

Penerapan terhadap aplikasi digital dan teknologi dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ke arah bandar pintar juga menjadi keutamaan kerajaan negeri ke arah pembangunan negeri Johor yang mampan.